

Kenyataan akhbar Sanusi

Saudara Pemberita-pemberita Yang Budiman

Assalamualaikum w.b.t.

Jawatan Menteri Besar

UM ~ 5 DEC 1999

Dengan hormatnya saya memaklumkan bahawa, setelah melihat keputusan pilihan raya pada malam 29 November 1999, saya telah membuat keputusan untuk menolak sebarang tawaran atau tidak menyambung lagi tugas sebagai Menteri Besar Kedah.

Maka pada 30 November 1999 saya telah menulis sepucuk surat kepada YAB DatUK Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan hasrat saya untuk tidak menjadi Menteri Besar lagi.

Pada 2 Disember 1999 kira-kira jam 7 malam saya telah bertemu dengan YAP Perdana Menteri di rumah penghulu di Kampung To' Senik Langkawi dan membincangkan perkara berkaitan iawatan Menteri Besar Kedah itu.

Setelah berbincang, secara terperinci YAB Perdana Menteri telah bersetuju dengan hasrat saya untuk tidak terus menjadi Menteri Besar.

Dalam membuat keputusan ini kami (PM dan saya) tidak dipengaruhi oleh pendapat-pendapat luar sama ada secara bisikan ataupun melalui akhbar tertentu.

Pengalaman PM di dalam politik sejak tahun 1946 (sudah 53) dan pengalaman saya sejak tahun 1963 (sudah 36 tahun) di dalam UMNO, dan 25 tahun saya menjadi wakil rakyat di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri menjadi panduan untuk saya membuat keputusan.

Pandangan musuh politik dari parti lawan dan saingan politik dari parti sendiri, yang kebanyakannya disebabkan masalah-masalah peribadi, lebih dari masalah parti atau nasional, yang saya sedia ketahui, telah diketepikan.

Yang penting bagi kami ialah UMNO, Melayu, Islam dan rakyat Malaysia dan negara.

Berbagai tafsiran, ramalan, dan tanggapan akan dibuat oleh berbagai pihak mengenai keputusan ini. Ada yang sedih dan ada yang gembira.

Ini semua sentimen semasa.

Kebijaksanaan kami (PM dan saya) akan ditentukan oleh masa.

Setelah PM bersetuju dengan penolakan jawatan saya maka timbul soal pengumumannya.

Oleh siapa?

Saya minta PM umumkan.

Jika ini dilakukan mungkin ia memvulitkan PM di mata sebahagian dari orang ramai, kerana ia boleh ditafsirkan sebagai penolakan saya oleh PM. Kami bersetuju supaya saya mengumumkannya.

Tetapi saya perlu memberitahunya kepada calon-calon yang bertanding dalam pilihan raya yang baru lalu.

Pada 3 Disember 1999 jam 9 malam satu perjumpaan telah diadakan di Ibu Pejabat UMNO di Bangunan Tunku di Alor Setar, di mana semua calon, yang kalah dan yang menang, telah hadir.

Saya telah mengumumkan kepada semua yang hadir mengenai penolakan jawatan sebagai "tactical retreat" dan persetujuan PM atas keputusan ini.

Saya telah menjemput wakil-wakil akhbar untuk membuat pengumuman itu.

Malangnya calon-calon yang menang dan kalah, kesemuanya telah menolak keputusan saya dan persetujuan PM.

Mereka mengecam laporan-laporan sebuah akhbar yang dulunya dipimpin oleh kroni bekas TPM, yang setelah kroni ini dipecat dan diganti dengan orang baru, telah memulakan serangan semula ke atas saya, sehingga kemudiannya disambut dan dibesarkan oleh *Harakah*.

Calon-calon yang hadir telah meminta saya supaya tidak membuat pengumuman kepada akhbar sebelum mereka bertemu dengan YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Untuk meredakan suasana saya telah bersetuju.

Itulah sebabnya saya tidak membuat pengumuman pada malam tadi.

Saya yakin ketua rombongan yang berjumpa dengan YAB Dr. Mahathir Mohamad pada pagi ini sudahpun difahamkan mengenainya.

Saya yakin mereka akan menerima keputusan kami.

Perlu saya catatkan di sini bahawa hanya seorang saja calon baru yang kalah, yang namanya saya cadangkan.

Calon baru yang lain yang saya cadangkan kesemuanya menang belaka.

Calon yang kalah kesemuanya calon lama, dan jika yang baru kalah mereka bukanlah yang saya cadangkan.

Saya juga memerhatikan, walaupun Pas dan UMNO selalunya bertentangan, tetapi dalam satu perkara mereka sependapat. Pas bersetuju dengan beberapa orang ahli dan bekas wakil rakyat UMNO bahawa Pas akan untung jika saya terus menjadi Menteri Besar.

Dengan tindakan saya, untuk tidak lagi menjadi Menteri Besar, saya berharap sahabat-sahabat saya di dalam parti tidak akan merajuk dan kecewa. Di sinilah letaknya dugaan sama ada kita "meletakkan parti di atas diri kita sendiri".

Perjuangan UMNO belum selesai.

Jika kita sebagai pelayar tidak berdaya untuk merobah haluan angin, kita harus sanggup menyesuaikan layarnya agar matlamat, cita-cita dan tujuan tercapai.

Sekian Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Yang Ikhlas
Sanusi Junid
4/12/99